

"Mencapai konsensus mengenai sains peraturan dan perundangan makanan untuk memastikan ketersediaan global produk makanan yang selamat dan sihat untuk semua pengguna"

HUBUNGI MEDIA: PASUKAN KOMUNIKASI GHI
communications@globalharmonization.net

UNTUK EDARAN SEGERA

INISIATIF HARMONISASI GLOBAL MELANCARKAN LAMARAN SESAWANG LAPORAN INSIDEN KESELAMATAN MAKANAN SECARA RAHSIA

Laman sesawang atas talian baharu akan membantu semua yang bekerja dalam industri makanan dan minuman di seluruh dunia untuk melaporkan insiden keselamatan makanan yang serius tanpa risiko akan dikenalpasti.

(Vienna, Austria), 9 Ogos 2021 – Inisiatif Harmonisasi Global (GHI) dengan sukacitanya mengumumkan pelancaran **Laman Sesawang Laporan Insiden Keselamatan Makanan Pemberi Maklumat**. Laman sesawang tersebut boleh dicapai melalui pautan: <https://whistle.globalharmonization.net> kepada semua tanpa mengira negara yang terlibat dalam industri makanan dan minuman.

"Di seluruh dunia, kebanyakan pekerja industri makanan tidak berani untuk membuat laporan berkenaan keselamatan makanan secara terang kerana bimbang majikan akan mengetahui identiti mereka. Sesetengah pekerja bertindak berdasarkan kesedaran mereka dan akibatnya adalah mereka sering kehilangan pekerjaan dan mungkin mendapat kesan yang lebih buruk semasa menyelamatkan orang daripada bahaya. Begitulah nasib yang terjadi kepada ramai pemberi maklumat. Oleh itu, GHI telah membangunkan laman sesawang pelaporan insiden keselamatan makanan secara rahsia (anonim). Penekanan adalah kerahsiaan dan kami telah mengaplikasikan perlindungan privasi berasaskan web untuk memastikan perkara ini. Semasa mengisi laporan dalam talian, pelapor juga sering diingatkan untuk tidak mendedahkan apa-apa yang membolehkan identiti mereka dapat dikenalpasti" kata Huub Lelieveld, presiden GHI.

Industri makanan dan minuman menyediakan produk yang selamat, sihat dan menyeronokkan untuk orang awam setiap hari. Namun demikian, kadangkala makanan yang dihasilkan tidak memenuhi piawaian keselamatan yang diperlukan secara tidak sengaja atau dalam sesetengah kes, ianya adalah dilakukan dengan sengaja. Ini menyebabkan kebimbangan yang serius dan GHI ingin membantu untuk mencegah ianya dari berlaku.

Isu keselamatan makanan adalah ancaman kepada kesihatan awam, yang berpotensi menyebabkan kemudaratan kepada pengguna, dan kadangkala membawa kematian. Isu

keselamatan makanan adalah ancaman kepada penduduk dunia dan boleh menghalang orang ramai mendapat makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat. Di setiap negara, laporan insiden keselamatan makanan semakin meningkat, ini disebabkan oleh sistem pemantauan dan pelaporan yang semakin baik. Selain itu, terdapat peningkatan kesedaran keselamatan makanan oleh pengguna dan pekerja dalam penghasilan, pemprosesan dan pembekalan makanan dan minuman. Insiden keselamatan makanan yang dilaporkan, bagaimanapun, masih rendah. Kebanyakan kejadian yang berlaku di setiap negara dan setiap hari, tidak dilaporkan dan tersembunyi daripada makluman umum.

Dalam kes yang paling teruk, isu keselamatan makanan boleh berpunca daripada kecuaiian seperti tidak mengikut prosedur atau tidak mempunyai proses yang betul. Pemikiran bersifat jenayah juga merupakan punca penting isu keselamatan makanan. Aktiviti penipuan yang disengajakan termasuk penggunaan bahan yang kurang berkualiti atau terlarang untuk meningkatkan keuntungan, dan semuanya berisiko menyebabkan kemudaratan kepada pengguna.

Nilai keselamatan makanan dan perundangan adalah berbeza bagi setiap negara. Penguatkuasaan bagi setiap negara juga adalah berbeza. Terdapat sistem dan kaedah pelaporan secara rasmi di peringkat kebangsaan di sesetengah negara. Sistem tersebut diwujudkan bagi mereka yang ingin melaporkan perkara berkaitan keselamatan makanan. Sistem tersebut menyediakan tahap perlindungan yang berbeza kepada pelapor.

Walaupun terdapat perlindungan yang disediakan di sesetengah negara, orang ramai masih risau untuk membuat laporan, terutamanya di dalam situasi di mana mereka boleh dikenalpasti. Oleh yang demikian, GHI telah menyediakan platform pelaporan yang mudah dicapai secara atas talian - Laman Sesawang Laporan Insiden Keselamatan Makanan Secara Rahsia. Laman sesawang tersebut boleh digunakan oleh sesiapa yang bekerja di dalam rantai bekalan makanan, di mana-mana negara sekiranya mereka mempunyai kebimbangan berkenaan keselamatan sesuatu produk atau proses bagi sesebuah industri makanan. Kerahsiaan pelaporan ini adalah paling utama. Setakat ini, laman sesawang tersebut adalah di dalam Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, laman tersebut akan didapati dalam beberapa bahasa tempatan tidak lama lagi.

Kesemua laporan serius yang diterima oleh GHI akan dinilai oleh sekumpulan pakar dalam bidang keselamatan makanan. Bagi maklumat yang telah disahkan oleh GHI sebagai "serius" (iaitu boleh mendatangkan kemudaratan yang serius kepada pengguna), GHI akan melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan bagi negara terlibat dan memohon mereka untuk memulakan siasatan. Laman tersebut telah dilancarkan bersama kempen kesedaran melalui media sosial bagi mereka yang bekerja dalam

industri makanan dan minuman, untuk bertindak melaporkan sebarang isu keselamatan makanan yang serius. Lihat infografik di bawah.



The infographic is a green rectangular graphic with white text and illustrations. At the top left, there is a black and white illustration of two workers in a food processing plant. To their right, the text asks: "Adakah anda akan membenarkan keluarga anda memakan makanan yang anda sediakan di tempat kerja?". Below this, on the left, is another illustration of a worker in a kitchen. The text below this illustration asks: "Bimbang tentang keselamatan makanan yang disediakan di tempat kerja dan tidak dapat menyuarakan kebimbangan anda? Laporkannya secara rahsia kepada <https://whistle.globalharmonization.net>". At the bottom left is the GHI logo, which includes a globe and the text "Global Harmonization Initiative". At the bottom right, the text reads: "Laman Sesawang bagi Laporan Insiden Keselamatan Makanan Pemberi Maklumat GHI".

Adakah anda akan membenarkan keluarga anda memakan makanan yang anda sediakan di tempat kerja?

Bimbang tentang keselamatan makanan yang disediakan di tempat kerja dan tidak dapat menyuarakan kebimbangan anda? Laporkannya secara rahsia kepada <https://whistle.globalharmonization.net>

Global Harmonization Initiative

Laman Sesawang bagi Laporan Insiden Keselamatan Makanan Pemberi Maklumat GHI

Inisiatif Harmonisasi Global (GHI) merupakan jaringan komuniti saintis-saintis sedunia dan organisasi saintifik yang berkerjasama dalam menggiatkan pengharmonisasian perundangan dan peraturan keselamatan makanan global melalui pembuktian saintifik. GHI menyokong pengharmonisasian perundangan dan peraturan berasaskan sains di mana ini akan menghapuskan halangan perdagangan yang menyamar sebagai perlindungan keselamatan makanan, di samping membantu mengurangkan masalah kelaparan dan juga meningkatkan jaminan makanan sedunia. GHI merupakan sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan dan telah didaftarkan di Vienna, Austria sebagai *Global Harmonization Initiative Association*. Bagi maklumat lanjut, sila layari visit www.globalharmonization.net